



KRITERIA  
**PENILAIAN**  
**LAMAN WEB**  
**PTJ**

**UniMAP**

V1.0  
**2024**

# MAKLUMAT RINGKAS

## 1.0 TARIKH PERLAKSANAAN

Penilaian Laman Web diadakan pada:

TARIKH	BULAN JUN DAN BULAN DISEMBER (PERTENGAHAN BULAN)
MASA	9.00 pagi hingga 4.00 petang
TEMPAT	Secara dalam talian (lokasi kerja penilai)

## 2.0 KRITERIA PENILAIAN LAMAN WEB

Laman web dinilai berdasarkan:

KRITERIA	KETERANGAN	MARKAH
1.	PENGGUNAAN AYAT "LAMAN WEB RASMI (OFFICIAL WEBSITE)"	2
2.	ENJIN CARIAN ('SEARCH ENGINE')	2
3.	REKABENTUK DAN NAGIVASI KESELURUHAN ('OVERALL LOOK AND FEEL')	2
4.	REKABENTUK DAN NAGIVASI KESELURUHAN ('RESPONSIVE DESIGN')	4
5.	PEMILIHAN PENGGUNAAN VERSI BAHASA ('LANGUAGE VERSION')	5
6.	LATARBELAKANG	2
7.	MISI & VISI ATAU OBJKTIF	2
8.	CARTA ORGANISASI	2
9.	PIAGAM PELANGGAN	2
10.	HUBUNGI KAMI	2
11.	DIREKTORI STAF	5
12.	BORANG MAKLUMBALAS DAN AUTONOTIFIKASI	5
13.	GALERI MEDIA	5
14.	PENERBITAN	8
15.	ARKIB ('ARCHIVE')	5
16.	PAUTAN BANTUAN ('SUPPORT LINK')	2
17.	SOALAN LAZIM ('FAQ')	2
18.	PETA LAMAN ('SITEMAP')	2
19.	SENARAI FAKULTI ('FACULTIES')	3
20.	SENARAI JABATAN ('DEPARTMENTS')	3
21.	PENGUMUMAN / AKTIVITI AKAN DATANG	5
22.	WEBSITE COUNTER	2
23.	TIADA PAUTAN PUTUS ('BROKEN LINK')	3
24.	LOGO DAN PAUTAN KE LAMAN WEB RASMI UniMAP	2
25.	LOGO DAN PAUTAN KE LAMAN WEB RASMI	2

<b>26.</b>	LOGO QS LIMA BINTANG	2
<b>27.</b>	MEDIA SOSIAL	5
<b>28.</b>	PEMBERITAHUAN “PAPARAN TERBAIK”	1
<b>29.</b>	POLISI KESELAMATAN	1
<b>30.</b>	DASAR PRIVASI	1
<b>31.</b>	PENAFIAN	1
<b>32.</b>	HAKCIPTA	1
<b>33.</b>	ALAMAT PTj	2
<b>34.</b>	NO. TELEFON PTj	2
<b>35.</b>	SEARCH ENGINE OPTIMIZATION (SEO)	5

Jumlah skor: 100 markah

### **3.0 KADEAH PENILAIAN**

1. Panel Penilai adalah terdiri daripada kalangan staf PTJ yang dilantik (Rujuk Lampiran 1).
2. Proses input markah oleh penilai dilaksanakan menggunakan sistem/Microsoft Excel.

## PTJ TERLIBAT

1.	PEJABAT NAIB CANSELOR	<a href="http://pnc.unimap.edu.my">pnc.unimap.edu.my</a>
2.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)	<a href="http://ptnchepa.unimap.edu.my">ptnchepa.unimap.edu.my</a>
3.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	<a href="http://tncaa.unimap.edu.my">tncaa.unimap.edu.my</a>
4.	PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI	<a href="http://sqm.unimap.edu.my">sqm.unimap.edu.my</a>
5.	PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR	<a href="http://p3p.unimap.edu.my">p3p.unimap.edu.my</a>
6.	JABATAN BENDAHARI	<a href="http://bendahari.unimap.edu.my">bendahari.unimap.edu.my</a>
7.	JABATAN PENDAFTAR	<a href="http://pendaftar.unimap.edu.my">pendaftar.unimap.edu.my</a>
8.	JABATAN KESELAMATAN	<a href="http://keselamatan.unimap.edu.my">keselamatan.unimap.edu.my</a>
9.	JABATAN PEMBANGUNAN	<a href="http://development.unimap.edu.my">development.unimap.edu.my</a>
10.	JABATAN PERPUSTAKAAN	<a href="http://mylibrary.unimap.edu.my">mylibrary.unimap.edu.my</a>
11.	PUSAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN DIGITAL	<a href="http://dmdc.unimap.edu.my">dmdc.unimap.edu.my</a>
12.	PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN	<a href="http://pusatislam.unimap.edu.my">pusatislam.unimap.edu.my</a>
13.	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	<a href="http://pusatkesihatan.unimap.edu.my">pusatkesihatan.unimap.edu.my</a>
14.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	<a href="http://cgs.unimap.edu.my">cgs.unimap.edu.my</a>
15.	PUSAT SUKAN & REKREASI	<a href="http://pusatsukan.unimap.edu.my">pusatsukan.unimap.edu.my</a>
16.	PUSAT PENGURUSAN TENAGA & KAMPUS LESTARI	<a href="http://kampuslestari.unimap.edu.my">kampuslestari.unimap.edu.my</a>
17.	INSTITUT AGROTEKNOLOGI LESTARI	<a href="http://insat.unimap.edu.my">insat.unimap.edu.my</a>
18.	PUSAT PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN & PERSEKITARAN PEKERJAAN	<a href="http://coshe.unimap.edu.my">coshe.unimap.edu.my</a>
19.	PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN LESTARI	<a href="http://lestar.i.unimap.edu.my">lestar.i.unimap.edu.my</a>
20.	PEJABAT AUDIT DALAM	<a href="http://iau.unimap.edu.my">iau.unimap.edu.my</a>
21.	PENERBIT UniMAP	<a href="http://penerbit.unimap.edu.my">penerbit.unimap.edu.my</a>
22.	INSTITUT KEJURUTERAAN NANO ELEKTRONIK	<a href="http://inee.unimap.edu.my">inee.unimap.edu.my</a>
23.	PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL & PEMBELAJARAN BERTERUSAN	<a href="http://pdce.unimap.edu.my">pdce.unimap.edu.my</a>
24.	PUSAT PERUMAHAN PELAJAR	<a href="http://pusatperumahan.unimap.edu.my">pusatperumahan.unimap.edu.my</a>
25.	PUSAT INOVASI & PENGKOMERSIALAN	<a href="http://cipc.unimap.edu.my">cipc.unimap.edu.my</a>
26.	PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI	<a href="http://alumni.unimap.edu.my">alumni.unimap.edu.my</a>
27.	PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN	<a href="http://rmc.unimap.edu.my">rmc.unimap.edu.my</a>
28.	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG & INTEGRITI	<a href="http://puu.unimap.edu.my">puu.unimap.edu.my</a>
29.	PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK	<a href="http://amc.unimap.edu.my">amc.unimap.edu.my</a>
30.	PUSAT LIBATSAMA ANTARABANGSA (CIE)	<a href="http://cie.unimap.edu.my">cie.unimap.edu.my</a>
31.	PUSAT KEBUDAYAAN	<a href="http://pkbu.unimap.edu.my">pkbu.unimap.edu.my</a>
32.	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT	<a href="http://pkk.unimap.edu.my">pkk.unimap.edu.my</a>
33.	PUSAT KAUNSELING	<a href="http://pusatkaunseling.unimap.edu.my">pusatkaunseling.unimap.edu.my</a>
34.	FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI	<a href="http://fpk.unimap.edu.my">fpk.unimap.edu.my</a>
35.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	<a href="http://fkten.unimap.edu.my">fkten.unimap.edu.my</a>
36.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA	<a href="http://fktk.unimap.edu.my">fktk.unimap.edu.my</a>
37.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	<a href="http://fktm.unimap.edu.my">fktm.unimap.edu.my</a>
38.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AWAM	<a href="http://fkta.unimap.edu.my">fkta.unimap.edu.my</a>
39.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	<a href="http://fkte.unimap.edu.my">fkte.unimap.edu.my</a>
40.	BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK	<a href="http://amd.unimap.edu.my">amd.unimap.edu.my</a>

<b>41.</b>	INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN	<a href="http://imk.unimap.edu.my">imk.unimap.edu.my</a>
<b>42.</b>	PUSAT KOKURIKULUM UniMAP	<a href="http://kokurikulum.unimap.edu.my">kokurikulum.unimap.edu.my</a>
<b>43.</b>	PUSAT KERJASAMA INDUSTRI & AGENSI KERAJAAN	<a href="http://ciqc.unimap.edu.my">ciqc.unimap.edu.my</a>
<b>44.</b>	PUSAT TVET UniMAP	<a href="http://tvetcentre.unimap.edu.my">tvetcentre.unimap.edu.my</a>
<b>45.</b>	INSTITUT KAJIAN STRATEGIK & KOMUNITI	<a href="http://unimapforsociety.unimap.edu.my">unimapforsociety.unimap.edu.my</a>
<b>46.</b>		
<b>47.</b>		
<b>48.</b>		



## **1.0 JKK PENARAFAN BINTANG PENGURUSAN LAMAN WEB UniMAP**

Penasihat: YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli

Pengerusi: Puan Rohazna Wahab

Setiausaha: Puan Norismiza Ismail

Ahli Jawatankuasa:

1.	En. Mohd Afif Md Jamel Khir	DMDC
2.	En. Noor Azlan Azizan	DMDC
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		
11.		



## KRITERIA PENILAIAN

### A. REKABENTUK DAN SUSUNATUR

#### KRITERIA 1: PENGGUNAAN AYAT “LAMAN WEB RASMI (OFFICIAL WEBSITE)”

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada paparan di ruang atas ‘header’ laman utama.
1	MEMUASKAN Tidak lengkap paparan di ruang atas ‘header’ laman utama.
2	CEMERLANG Lengkap paparan di ruang atas ‘header’ laman utama.

#### KRITERIA 2: ENJIN CARIAN (‘SEARCH ENGINE’)

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada Enjin Carian
1	MEMUASKAN Menggunakan Enjin Carian ‘third party’ selain Joomla/CMS sendiri seperti ‘Google Search’
2	CEMERLANG Menggunakan Enjin Carian Joomla/CMS sendiri

#### KRITERIA 3: REKABENTUK DAN NAGIVASI KESELURUHAN (‘OVERALL LOOK AND FEEL’)

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Laman web tidak siap sepenuhnya.
1	MEMUASKAN Laman web siap dibina. Memastikan ‘header’ dan ‘footer’ adalah sama bagi kesemua halaman.
2	CEMERLANG Markah penuh diberikan jika laman web siap dibina sepenuhnya. Tidak perlu rekaan yang terlalu canggih namun mencapai maksud atau menjelaskan identiti PTj. Memastikan ‘header’ dan ‘footer’ adalah sama bagi kesemua halaman

#### KRITERIA 4: REKABENTUK DAN NAGIVASI KESELURUHAN (‘RESPONSIVE DESIGN’)

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Reka bentuk tidak konsisten dan tidak menarik, navigasi mengelirukan, laman web lambat, tidak responsif pada pelbagai peranti (saiz, orientasi, susun atur, gambar, fleksibiliti rekabentuk), terjemahan isi kandungan tidak lengkap atau salah, dan kandungan tidak relevan.
1	KURANG MEMUASKAN Reka bentuk asas dengan sedikit kesatuan, navigasi agak jelas tetapi kadang-kadang mengelirukan, laman web memuat perlahan, responsif

		tetapi dengan beberapa masalah, terjemahan isi kandungan ada tetapi mungkin mempunyai kesilapan, isi kandungan minima.
2	MEMUASKAN	Reka bentuk bersih dan teratur, navigasi intuitif tetapi boleh diperbaiki, laman web memuat dengan kelajuan yang boleh diterima, responsif dengan beberapa isu kecil, terjemahan isi kandungan tepat dengan beberapa kesilapan, isi kandungan relevan tetapi boleh ditambahbaik untuk menjadi lebih menarik.
3	BAIK	Reka bentuk menarik dan konsisten, navigasi jelas dan intuitif, laman web memuat cepat, responsif dengan masalah minima, terjemahan isi kandungan tepat dan sesuai dengan imej, isi kandungan menarik dan relevan..
4	CEMERLANG	Reka bentuk sangat menarik dan konsisten, navigasi lancar dan intuitif, laman web memuat sangat cepat, sangat responsif tanpa isu, terjemahan isi kandungan sempurna dan sensitif imej, isi kandungan informatif dan sangat relevan.

#### KRITERIA 5: PEMILIHAN PENGGUNAAN VERSI BAHASA (“LANGUAGE VERSION”)

MARKAH	KETERANGAN
1	TIDAK MEMUASKAN
2	KURANG MEMUASKAN
3	MEMUASKAN
4	BAIK
5	CEMERLANG

Laman web Bahasa Melayu sahaja dibangunkan, namun terdapat elemen dalam Bahasa Inggeris seperti hebahan, berita, menu, atau banner yang bercampur dalam laman web tersebut.

Hanya laman web versi Bahasa Melayu dibangunkan tetapi tiada elemen Bahasa Inggeris yang bercampur dalam laman web tersebut.

Laman web Bahasa Inggeris sahaja dibangunkan, namun terdapat elemen dalam Bahasa Melayu seperti hebahan, berita, menu, atau banner yang bercampur dalam laman web tersebut.

Laman web Bahasa Inggeris sahaja dibangunkan, tetapi tiada elemen dalam Bahasa Melayu yang bercampur dalam laman web tersebut.

Laman web dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dibangunkan sepenuhnya dengan pilihan untuk pengguna memilih bahasa. Semua elemen laman web termasuk hebahan, berita, menu, dan banner disediakan dalam kedua-dua bahasa tanpa sebarang campuran.

## B. INFO UMUM

#### KRITERIA 6: LATARBELAKANG

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
1	MEMUASKAN
2	CEMERLANG

Laman web tidak memberikan maklumat mengenai pengenalan/latar belakang tentang PTj, sejarah, fungsi, dan perkhidmatan yang disediakan, atau maklumat yang diberikan sangat terhad dan tidak membantu pengguna memahami peranan dan perkhidmatan PTj.

Laman web memberikan maklumat yang asas tetapi tidak lengkap mengenai pengenalan/latar belakang tentang PTj, sejarah, fungsi, dan perkhidmatan yang disediakan. Beberapa bahagian mungkin kurang terperinci atau kurang jelas.

Laman web memberikan maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai pengenalan/latar belakang tentang PTj (Pusat Tanggungjawab), termasuk sejarah, fungsi, dan perkhidmatan yang disediakan. Semua maklumat disusun dengan baik, mudah diakses, dan difahami oleh pengguna.

## KRITERIA 7: MISI & VISI ATAU OBJEKTIF

MARKAH		KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN	Laman web tidak menyediakan maklumat mengenai misi & visi atau objektif setiap PTj.
1	MEMUASKAN	Laman web menyediakan maklumat mengenai misi & visi atau objektif setiap PTj tetapi kurang terperinci. Maklumat asas ada tetapi tidak dihuraikan dengan jelas atau mungkin sukar untuk diakses oleh pengguna.
2	CEMERLANG	Laman web menyediakan maklumat yang lengkap dan jelas mengenai misi & visi atau objektif setiap PTj (Pusat Tanggungjawab). Misi dan visi atau objektif dinyatakan dengan terperinci, mudah difahami, dan diakses oleh pengguna.

## KRITERIA 8: CARTA ORGANISASI

MARKAH		KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN	Tiada struktur organisasi atau paparan tidak berbentuk carta atau tiada maklumat struktur organisasi
1	KURANG MEMUASKAN	Memaparkan carta organisasi TETAPI <u>tidak lengkap, tidak dikemaskini atau mengelirukan.</u>
2	CEMERLANG	Carta lengkap dengan memaparkan nama, jawatan, gambar dan maklumat perhubungan.

## KRITERIA 9: PIAGAM PELANGGAN

Memaparkan piagam pelanggan PTJ yang boleh diukur beserta laporan pencapaian.

MARKAH		KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN	Tiada paparan piagam pelanggan PTJ.
1	KURANG MEMUASKAN	Ada paparan piagam pelanggan PTJ tanpa laporan pencapaian.
2	CEMERLANG	Ada paparan piagam pelanggan dan laporan pencapaian piagam pelanggan PTJ yang terkini.

## C. HUBUNGI KAMI

### KRITERIA 10: HUBUNGI KAMI

MARKAH		KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN	Laman web tidak menyediakan maklumat mengenai nombor telefon dan alamat untuk dihubungi, atau maklumat yang diberikan sangat terhad dan tidak membantu pengguna untuk menghubungi pihak yang berkenaan.
1	KURANG MEMUASKAN	Laman web menyediakan maklumat asas mengenai nombor telefon dan alamat untuk dihubungi tetapi mungkin kurang terperinci atau susah diakses. Maklumat mungkin tidak lengkap, seperti ketiadaan alamat e-mel atau peta lokasi.

<b>2</b>	CEMERLANG	Laman web menyediakan maklumat lengkap mengenai nombor telefon dan alamat untuk dihubungi. Maklumat ini mudah diakses, tepat, dan termasuk butiran tambahan seperti alamat e-mel dan peta lokasi.
----------	-----------	---

## KRITERIA 11: DIREKTORI STAF

MARKAH	KETERANGAN	
<b>1</b>	TIDAK MEMUASKAN	Laman web tidak menyediakan senarai staf PTj.
<b>2</b>	KURANG MEMUASKAN	Laman web hanya menyediakan senarai nama staf PTj tanpa maklumat tambahan seperti gambar, jawatan, email, atau nombor telefon pejabat.
<b>3</b>	MEMUASKAN	Laman web menyediakan senarai staf PTj yang hanya mempunyai nama penuh dan jawatan, tanpa gambar, email, atau nombor telefon pejabat untuk kebanyakan staf.
<b>4</b>	BAIK	Laman web menyediakan senarai staf PTj yang hampir lengkap, dengan gambar, nama penuh, jawatan, email, dan nombor telefon pejabat, tetapi mungkin ada beberapa staf yang kekurangan satu elemen (contohnya, tiada nombor telefon).
<b>5</b>	CEMERLANG	Laman web menyediakan senarai staf PTj yang lengkap dengan gambar, nama penuh, jawatan, email, dan nombor telefon pejabat untuk setiap staf. Maklumat ini disusun dengan baik dan mudah diakses oleh pengguna..

## KRITERIA 12: BORANG MAKLUMBALAS DAN AUTONOTIFIKASI

MARKAH	KETERANGAN	
<b>1</b>	TIDAK MEMUASKAN	Laman web tidak menyediakan borang maklumbalas yang asas.
<b>2</b>	KURANG MEMUASKAN	Laman web menyediakan borang maklumbalas yang asas. Selepas 'submit button' ditekan, tiada paparan pengesahan diberikan kepada pengguna dan tiada maklumat mengenai jumlah hari yang akan diambil untuk memberi maklumbalas. Tiada notifikasi automatik melalui email diberikan.
<b>3</b>	MEMUASKAN	Laman web menyediakan borang maklumbalas yang asas. Selepas 'submit button' ditekan, pengguna menerima paparan pengesahan yang menyatakan bahawa maklumbalas telah diterima, tetapi tiada maklumat mengenai jumlah hari yang akan diambil untuk memberi maklumbalas kepada pengguna. Tiada notifikasi automatik melalui email diberikan.
<b>4</b>	BAIK	Laman web menyediakan borang maklumbalas yang jelas dan mudah digunakan. Selepas 'submit button' ditekan, pengguna menerima paparan pengesahan yang menyatakan bahawa maklumbalas telah diterima dan jumlah hari yang akan diambil untuk memberi maklumbalas kepada pengguna. Namun, tiada notifikasi automatik melalui email diberikan.
<b>5</b>	CEMERLANG	Laman web menyediakan borang maklumbalas yang jelas dan mudah digunakan. Selepas 'submit button' ditekan, pengguna menerima paparan pengesahan yang menyatakan bahawa maklumbalas telah diterima. Paparan juga menyatakan jumlah hari yang akan diambil untuk memberi maklumbalas kepada pengguna, dan pengguna menerima notifikasi automatik melalui email yang mengesahkan penerimaan maklumbalas mereka dan jangka masa maklumbalas...

## D. GALERI

### KRITERIA 13: GALERI MEDIA

Media (Image/\*Video/Audio) yang mencerminkan identiti PTj.

\*Video dalam format yang diterima (.MOV, .MP4, .FLV, .MP3, .WAV).

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Laman web tidak menyediakan sebarang media yang mencerminkan identiti PTj.
1	KURANG MEMUASKAN Laman web menyediakan media yang sangat terhad dan tidak mencerminkan identiti PTj dengan baik. Contohnya, terdapat satu atau dua media tetapi tidak dalam format yang diterima.
2	MEMUASKAN Laman web menyediakan beberapa media yang mencerminkan identiti PTj, tetapi kebanyakannya tidak lengkap atau dalam format yang salah. Media yang disediakan mungkin juga tidak relevan atau berkualiti rendah.
3	BAIK Laman web menyediakan media yang mencukupi yang mencerminkan identiti PTj, termasuk beberapa contoh media seperti video korporat PTj, ceramah, seminar, kuliah, dan ucapan aluan Ketua Jabatan. Format fail media adalah campuran antara yang diterima dan tidak diterima.
4	SANGAT BAIK Laman web menyediakan pelbagai media yang mencerminkan identiti PTj dengan baik. Semua media relevan seperti video korporat PTj, ceramah, seminar, kuliah, dan ucapan aluan Ketua Jabatan disediakan dalam format yang diterima.
5	CEMERLANG Laman web menyediakan media yang mencerminkan identiti PTj dengan sangat baik dan konsisten. Semua media seperti video korporat PTj, ceramah, seminar, kuliah, dan ucapan aluan Ketua Jabatan adalah lengkap, berkualiti tinggi, dan dalam format yang diterima. Tidak ada media yang mencerminkan identiti UniMAP seperti video korporat UniMAP, lagu-lagu rasmi UniMAP seperti Wawasanku, Semangat UniMAP, Dirgahayu Tuanku, dan Dua Dekad Tradisi Gemilang.

## E. MUAT TURUN ('DOWNLOAD')

### KRITERIA 14: PENERBITAN

'Rich File' (e.g.: \*Artikel Penyelidikan, Borang, Laporan Tahunan, Manual Pengguna, atau slaid pembentangan) yang mencerminkan identiti PTj.

\*Format yang diterima (pdf, .doc, .ppt)

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada koleksi 'Rich File' dan hanya senarai tajuk penyelidikan atau tajuk bahan penerbitan sahaja dipaparkan.
2	KURANG MEMUASKAN Ada koleksi 'Rich File' tetapi sangat terhad, ikon pautan tidak disertakan, dan fail-fail yang ada tidak berkaitan PTj.
4	MEMUASKAN Ada koleksi 'Rich File' yang sederhana lengkap tetapi masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan, ikon pautan disertakan tetapi sebahagiannya tidak berfungsi atau broken file, dan terdapat beberapa fail relevan tetapi tidak lengkap atau tidak diarkibkan dengan baik.
6	BAIK Ada koleksi 'Rich File' yang lengkap dan mencukupi, ikon pautan berfungsi dengan baik, dan fail-fail diarkibkan tetapi masih memerlukan penambahbaikan dalam susunatur dan kemaskini fail.
8	CEMERLANG Ada koleksi 'Rich File' yang sangat lengkap dan teratur, semua fail berkaitan disertakan dengan ikon pautan yang berfungsi (tiada broken link) serta mudah diakses. Koleksi fail disimpan dalam arkib secara

	tahunan/bulanan/mingguan sebagai contoh: arkib koleksi gambar, buku, berita, aktiviti, komen, dll.
--	--

\*Penilaian seterusnya akan melihat jika terdapat penambahan penerbitan dan memastikan semua fail dapat dibuka (tiada broken file). Markah akan ditolak pada penilaian seterusnya jika tiada pertambahan penerbitan dimasukkan atau fail tidak dapat dibuka (broken file).

#### KRITERIA 15: ARKIB ('ARCHIVE')

Koleksi fail hendaklah disimpan dalam arkib ('archive') secara tahunan/bulanan/mingguan. Contoh: Arkib koleksi gambar, artikel, buku, berita, aktiviti, komen dll.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada usaha dilakukan untuk arkib, menyimpan dan menyusun fail secara teratur dalam laman web.
3	BAIK Terdapat usaha minimum dalam menyimpan koleksi fail, tetapi penyimpanannya tidak teratur. Sebagai contoh, hanya sebilangan kecil fail yang disimpan tanpa susunan yang jelas.
5	CEMERLANG Koleksi fail disimpan dengan sangat teratur dan lengkap, dengan semua fail berkaitan diarkibkan. Setiap kategori fail seperti gambar, buku, berita, aktiviti, dan komen disimpan dan dikemas kini dengan teliti, menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pengurusan arkib laman web.

## F. PAUTAN PANTAS

#### KRITERIA 16: PAUTAN BANTUAN ('SUPPORT LINK')

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada bantuan langsung disediakan kepada pengguna untuk melayari laman web PTJ. Ini bermaksud, tiada pautan atau fail yang boleh membantu pengguna untuk melayari laman web dengan lebih baik.
1	KURANG MEMUASKAN Terdapat bantuan yang disediakan tetapi sangat minimum atau tidak mencukupi. Sebagai contoh, hanya terdapat satu pautan atau fail yang boleh digunakan oleh pengguna tetapi tidak mencukupi untuk meningkatkan pengalaman melayari laman web dengan ketara.
2	CEMERLANG Terdapat bantuan yang komprehensif dan mencukupi disediakan kepada pengguna. Ini termasuk menyediakan pautan atau fail yang jelas dan mudah diakses untuk membantu pengguna melayari laman web PTJ dengan lebih baik. Contoh bantuan yang diberikan ialah pautan ke laman web Google Chrome untuk muat turun atau meletakkan fail Google Chrome yang boleh dimuat turun dari laman web PTJ. Bantuan yang disediakan ini haruslah lengkap dan memudahkan pengguna dalam proses melayari laman web.

#### KRITERIA 17: SOALAN LAZIM ('FAQ')

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada FAQ yang disediakan atau jika FAQ diambil dari laman web utama UniMAP. Ini bermaksud, laman web PTJ tidak menyediakan informasi khusus yang diperlukan oleh pengguna mengenai PTJ itu sendiri.
1	KURANG MEMUASKAN Terdapat FAQ yang disediakan, tetapi maklumatnya terhad (2-5 FAQ) dan tidak cukup membantu pengguna dalam memahami PTJ secara mendalam. FAQ yang disediakan mungkin sedikit dan tidak meliputi

		banyak aspek penting yang perlu diketahui oleh pengguna
2	CEMERLANG	Terdapat FAQ yang lengkap dan khusus disediakan berkenaan PTJ. Ini termasuk soalan dan jawapan yang menyeluruh dan relevan yang dapat membantu pengguna memahami PTJ dengan baik. FAQ tersebut haruslah dirangka secara spesifik untuk laman web PTJ dan bukan hanya diambil dari laman web utama UniMAP.

#### KRITERIA 18: PETA LAMAN ('SITEMAP')

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada peta laman yang disediakan menggunakan sambungan CMS Joomla. Ini bermaksud, pengguna tidak mempunyai panduan atau struktur navigasi yang jelas untuk melayari laman web.
1	KURANG MEMUASKAN Terdapat peta laman yang disediakan menggunakan sambungan CMS Joomla, tetapi ia tidak lengkap atau kurang mesra pengguna. Sebagai contoh, peta laman mungkin ada tetapi susunan atau organisasinya tidak memudahkan pengguna mencari maklumat yang diperlukan dengan mudah.
2	CEMERLANG Terdapat peta laman yang lengkap dan mesra pengguna menggunakan sambungan CMS Joomla. Peta laman ini haruslah teratur, mudah difahami, dan membantu pengguna dalam navigasi laman web dengan efisien. Struktur peta laman tersebut perlu menyeluruh dan memudahkan akses ke semua bahagian penting laman web.

#### KRITERIA 19: SENARAI FAKULTI ('FACULTIES')

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada senarai atau pautan ke laman web fakulti disediakan. Ini bermaksud, pengguna tidak dapat mengakses maklumat mengenai fakulti melalui laman web PTJ.
2	KURANG MEMUASKAN Terdapat senarai dan pautan ke laman web fakulti, tetapi bilangan fakulti yang disenarai adalah kurang daripada 6 atau terdapat pautan yang tidak berfungsi. Contohnya, hanya 3-5 fakulti yang disenaraikan atau terdapat beberapa pautan yang broken.
3	CEMERLANG Terdapat senarai lengkap dan pautan yang berfungsi ke sekurang-kurangnya 6 laman web fakulti. Senarai ini haruslah jelas dan mudah diakses, memudahkan pengguna untuk mengunjungi laman web fakulti yang berkaitan melalui pautan yang disediakan

#### KRITERIA 20: SENARAI JABATAN ('DEPARTMENTS')

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN Tiada senarai dan pautan ke laman web PTJ yang berkaitan disediakan. Ini bermaksud, pengguna tidak mempunyai akses mudah ke laman web PTJ lain yang berada dalam kumpulan yang sama, seperti jabatan atau unit yang berkaitan.
2	KURANG MEMUASKAN Terdapat senarai dan pautan ke laman web PTJ yang berkaitan tetapi senarai tersebut tidak lengkap atau sebahagian pautan tidak berfungsi. Sebagai contoh, hanya sebahagian kecil PTJ yang disenaraikan atau terdapat pautan yang rosak.

<b>3</b>	<b>CEMERLANG</b>	Terdapat senarai lengkap dan pautan yang berfungsi ke laman web PTJ yang berkaitan. Senarai ini haruslah menyenaraikan semua PTJ yang berkaitan dalam kumpulan yang sama, seperti jabatan atau unit, dan pautan yang disediakan haruslah jelas dan mudah diakses oleh pengguna.
----------	------------------	---

## H. ISI KANDUNGAN

### KRITERIA 21: PENGUMUMAN / AKTIVITI AKAN DATANG

MARKAH	KETERANGAN
<b>0</b>	TIDAK MEMUASKAN Tiada pengumuman semasa berkenaan aktiviti atau berita yang dikemaskini. Ini bermaksud, laman web tidak mempunyai sebarang informasi terkini yang boleh diakses oleh pengguna.
<b>1</b>	KURANG MEMUASKAN Terdapat pengumuman semasa, tetapi kebanyakan pengumuman telah melepas tarikh peristiwa dan tidak dikemaskini. Pengumuman yang ada mungkin tidak mempunyai tarikh kemaskini yang jelas bagi setiap artikel.
<b>2</b>	MEMUASKAN Pengumuman semasa yang dikemaskini tetapi hanya sebahagian daripadanya yang relevan atau berguna. Tarikh kemaskini mungkin dipamerkan tetapi tidak secara konsisten bagi setiap artikel.
<b>3</b>	BAIK Pengumuman semasa berkenaan aktiviti, berita, dan lain-lain dikemaskini secara berkala dan tarikh kemaskini dipamerkan bagi kebanyakan artikel. Namun, masih ada beberapa pengumuman yang telah melepas tarikh peristiwa dan tidak diarkibkan dengan baik.
<b>4</b>	SANGAT BAIK Pengumuman semasa dikemaskini dengan baik dan tarikh kemaskini dipamerkan bagi hampir semua artikel. Pengumuman yang telah melepas tarikh peristiwa diarkibkan dengan baik, tetapi masih ada ruang untuk penambahbaikan dari segi konsistensi dan kekerapan kemaskini.
<b>5</b>	CEMERLANG Pengumuman semasa berkenaan aktiviti, berita, dan lain-lain dikemaskini dengan sangat baik dan teratur. Setiap artikel mempunyai tarikh kemaskini yang jelas, dan semua pengumuman yang telah melepas tarikh peristiwa diarkibkan dengan baik. Laman web menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam memastikan informasi sentiasa terkini dan relevan untuk pengguna..

### KRITERIA 22: WEBSITE COUNTER

MARKAH	KETERANGAN
<b>0</b>	TIDAK MEMUASKAN Tiada website counter.
<b>1</b>	KURANG MEMUASKAN Ada website counter tetapi tidak berfungsi baik.
<b>2</b>	CEMERLANG Ada website counter dan berfungsi baik.

### KRITERIA 23: TIADA PAUTAN PUTUS ('BROKEN LINK')

Boleh dibuat semakan dengan menggunakan <https://www.deadlinkchecker.com/>

MARKAH	KETERANGAN
--------	------------

0	TIDAK MEMUASKAN	Terdapat sebarang pautan putus yang mengakibatkan paparan error '404 page not found', walaupun hanya satu pautan putus. Ini menunjukkan bahawa laman web tidak diurus dengan baik dan boleh menyebabkan kesulitan kepada pengguna.
3	CEMERLANG	Laman web sepenuhnya bebas dari pautan putus, dan tiada paparan error '404 page not found'. Semua pautan diperiksa dan dikemaskini secara berkala untuk memastikan mereka berfungsi dengan betul, menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pengurusan laman web.

## I. FOOTER KANAN

### KRITERIA 24: LOGO DAN PAUTAN KE LAMAN WEB RASMI UniMAP

Diletakkan di footer dan berfungsi apabila diklik. Pautan: <http://www.unimap.edu.my>

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
2	CEMERLANG

### KRITERIA 25: LOGO DAN PAUTAN KE LAMAN WEB RASMI MyGov

Diletakkan di footer dan berfungsi apabila diklik. Pautan: <http://www.malaysia.gov.my>

MARKAH	KETERANGAN
0	Tiada logo dan pautan.
2	Ada logo dan pautan berfungsi baik.

### KRITERIA 26: LOGO QS LIMA BINTANG

Diletakkan di footer

MARKAH	KETERANGAN
0	Tiada logo.
2	Ada logo.

### KRITERIA 27: MEDIA SOSIAL

Paparan akaun media sosial di Footer laman web PTJ misalnya FB, Twitter, Youtube, Instagram, Tik Tok yang aktif\*

\*AKTIF: ✓ Dinilai untuk POST AKTIF 3 bulan terakhir (April, Mei, Jun)

MARKAH	KETERANGAN

<b>1</b>	TIDAK MEMUASKAN	Tiada pautan media sosial atau mengandungi media sosial yang tidak berkaitan dengan PTJ dan UniMAP
<b>2</b>	KURANG MEMUASKAN	Menggunakan media sosial UniMAP sahaja
<b>3</b>	MEMUASKAN	Memaparkan media sosial PTJ tetapi tidak aktif.
<b>4</b>	BAIK	Mempunyai sekurang-kurangnya satu media sosial PTJ yang aktif.
<b>5</b>	CEMERLANG	Mempunyai lebih dari satu media sosial PTJ yang aktif.

#### **KRITERIA 28: PEMBERITAHUAN “PAPARAN TERBAIK”**

Diletakkan di footer. Contoh : Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox dan Google Chrome, Resolusi 1280 x 768

MARKAH		KETERANGAN
<b>0</b>	TIDAK MEMUASKAN	Tiada pemberitahuan.
<b>1</b>	CEMERLANG	Ada pemberitahuan.

#### **J. FOOTER KIRI**

#### **KRITERIA 29: POLISI KESELAMATAN (“SECURITY POLICY”)**

Diletakkan di footer.

MARKAH		KETERANGAN
<b>0</b>	TIDAK MEMUASKAN	Tiada.
<b>1</b>	CEMERLANG	Ada.

**KRITERIA 30: DASAR PRIVASI ('*PRIVACY POLICY*')**

Diletakkan di footer.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
1	CEMERLANG

**KRITERIA 31: PENAFIAN ('*DISCLAIMER*')**

Diletakkan di footer.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
1	CEMERLANG

**KRITERIA 32: HAKCIPTA ('*COPYRIGHT*')**

Diletakkan di footer.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
1	CEMERLANG

**KRITERIA 33: ALAMAT PTj**

Diletakkan di footer.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
2	CEMERLANG

**KRITERIA 34: NO. TELEFON PTj**

Diletakkan di footer.

MARKAH	KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN
2	CEMERLANG

## **K. SEARCH ENGINE OPTIMIZATION (SEO)**

### **KRITERIA 35: SEARCH ENGINE OPTIMIZATION (SEO)**

Semakan melalui: \* <https://website.grader.com/>

\* Dipilih kerana berada di kedudukan teratas senarai SEO tool terbaik untuk memantau laman web 2022. (<https://blog.hubspot.com/marketing/seo-analysis-tools>)

**Page Title.**

**Meta**

**Description.**

**Meta**

**Keywords.**

**<h1> Heading**

**Status.**

**<h2> Heading**

**Status.**

MARKAH		KETERANGAN
0	TIDAK MEMUASKAN	Diberikan jika skor markah SEO adalah 0-5. Ini menunjukkan laman web mempunyai prestasi SEO yang sangat lemah, dengan banyak masalah yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan keterlihatan dalam enjin carian..
1	KURANG MEMUASKAN	Diberikan jika skor markah SEO adalah 6-10. Prestasi SEO masih rendah, tetapi terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan untuk memperbaiki masalah SEO. Namun, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk mencapai tahap yang memuaskan.
2	MEMUASKAN	Diberikan jika skor markah SEO adalah 11-15. Prestasi SEO adalah sederhana. Laman web telah memenuhi beberapa aspek penting SEO, tetapi masih banyak ruang untuk penambahbaikan.
3	BAIK	Diberikan jika skor markah SEO adalah 16-20. Prestasi SEO adalah baik, dengan kebanyakan aspek SEO telah dipenuhi dengan baik. Namun, masih terdapat beberapa elemen yang boleh diperbaiki untuk mencapai skor yang lebih tinggi.
4	SANGAT BAIK	Diberikan jika skor markah SEO adalah 21-25. Prestasi SEO adalah sangat baik, dengan hampir semua aspek penting SEO telah dipenuhi. Hanya terdapat sedikit ruang untuk penambahbaikan kecil.
5	CEMERLANG	Diberikan jika skor markah SEO adalah 26-30. Prestasi SEO adalah cemerlang, dengan semua aspek penting SEO telah dipenuhi. Laman web dioptimumkan sepenuhnya untuk enjin carian, menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pengurusan SEO.



Disediakan oleh:

**Norismiza Binti Ismail, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan  
Mohd Afif Bin Md Jamel Khir, Pen. Pegawai Teknologi Maklumat Kanan  
Seksyen Digital Pembelajaran Berterusan,  
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Digital**  
5 Jun 2024

**Disemak oleh:**

**Puan Rohazna Wahab  
Pemangku Pengarah,  
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Digital**  
6 Jun 2024



## **LAMPIRAN 1 : SENARAI PANEL PENILAI**

1. Pn. Norismiza Ismail	DMDC
2. En. Mohd Afif Md Jamel Khir	DMDC
3. En. Noor Azlan Azizan	DMDC
4. Pn Rohazna Wahab	DMDC
5. Pn Azima Abu Seman	DMDC